

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persediaan Bakal Guru Untuk Mengajar Matematik Dalam Bahasa Inggeris

Noor Azlan Bin Zanzali & Farhana Binti Che Din @ Noordin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah lama dilaksanakan iaitu pada tahun 2003 dan kedua-dua mata pelajaran tersebut harus diajar dalam bahasa Inggeris sepenuhnya mulai tahun 2007. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Tiga faktor telah dikenalpasti dan dikaji iaitu dari segi minat, keyakinan diri dan penguasaan terhadap bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kajian ini. 35 orang bakal guru matematik yang terdiri daripada pelajar 4SPM di Universiti Teknologi Malaysia diambil sebagai responden. Nilai kebolehpercayaan ialah 0.8135. Analisis dapatan kajian dijalankan dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS 11.5 for Windows). Berdasarkan kekerapan, peratusan dan min, dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris mencapai tahap yang sederhana. Secara keseluruhannya, kajian ini menggambarkan sesetengah bakal guru masih kurang minat terhadap bahasa Inggeris, kurang keyakinan diri dan tahap penguasaan terhadap bahasa Inggeris masih rendah. Oleh itu, bakal-bakal guru ini seharusnya mengambil langkah yang bijak untuk menjadi seorang guru yang berjaya demi mendidik anak bangsa agar menjadi seorang yang mampu menabur bakti kepada bangsa, agama dan negara.

Abstract: Teaching and learning of Science and Mathematics in English had been implemented since 2003. Both of these subject must be taught in English, beginning from 2007. The reason of this study been done is to find the factors that influenced the preparation of the trainee teachers in teaching Mathematics in English. There are three factors in this study which are interest, self confidence and level of English. This is a descriptive study. The questionnaires are used as the instrument to collect data. There are 35 trainee teachers in Mathematics which are the students of 4SPM in UTM had been chose as respondents. The reliability value is 0.8135. The results of this study had been analyze by using the Statistical Packages For Social Science (SPSS 11.5 for Windows) software. Based on mode, percentage and mean, the results shows that the three factors which influence the preparation of trainee teacher to teach Mathematics in English are at the moderate level. Overall, this study had described that some of the trainee teachers are still not really interested in English, low self confidence and their level of English are also still in low. Thus, they should take other steps to be a successful teacher in educating our youth of nation to become a person that can contribute our nation, religion and country.

Katakunci: bahasa Inggeris, bakal guru, Pengajaran dan pembelajaran, Sains dan Matematik

Pengenalan

Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat di seluruh dunia. Bahasa ini menjadi satu bahasa perantaraan bagi sesetengah negara yang majoritinya penduduknya yang bukan beragama Islam. Di sini menunjukkan betapa luasnya penggunaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat yang mempunyai daya saing yang tinggi dalam mengejar era globalisasi ini. Oleh itu, menjadi satu keperluan kepada setiap orang untuk mempelajari dan menguasai bahasa tersebut bagi melangkah ke arah yang lebih maju dan seiring dengan perjalanan globalisasi masa kini. Di negara kita contohnya telah mengambil inisiatif dengan pelaksanaan bahasa Inggeris digunakan dalam

mengajar matematik dan sains. Pelaksanaan ini telah dilakukan pada tahun 2003 untuk Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam. Oleh itu, tanggungjawab guru amat berat untuk menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan agar pelajar dapat memahami dengan mudah.

Pernyataan Masalah

Dasar pelaksanaan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris menuntut bakal guru untuk membuat banyak persediaan bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan baik dan lancar. Dalam memastikan pelaksanaan dasar ini mencapai kejayaan, beberapa faktor harus dipertimbangkan. Antaranya faktor minat terhadap bahasa Inggeris, penguasaan dalam bahasa Inggeris dan keyakinan diri.

Persediaan bakal guru dipengaruhi oleh faktor minat terhadap bahasa Inggeris, penguasaan dalam bahasa Inggeris dan keyakinan diri. Minat adalah suatu aspek yang penting dalam melakukan sesuatu dengan berjaya. Sebagai contoh, seseorang mampu menjadi seorang doktor yang berjaya kerana dia mempunyai minat yang mendalam terhadap dunia perubatan, yang telah menjadikan dia seorang doktor yang mampu merawat semua orang yang memerlukan perkhidmatannya. Begitu juga dengan minat terhadap bahasa Inggeris. Seseorang bakal guru seharusnya menanam minat yang mendalam terhadap bahasa Inggeris. Ini bagi memastikan seseorang bakal guru dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang guru yang berdedikasi.

Selain itu, penguasaan terhadap bahasa Inggeris juga memainkan peranan yang penting dalam persediaan bakal guru untuk mengajar. Apabila seseorang tidak menguasai sesuatu ilmu yang akan diajar kepada orang lain, proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku. Ini bermakna tujuan kita sebagai seorang guru tidak akan berjaya. Oleh itu, bakal guru seharusnya menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru amat penting bagi memastikan pelaksanaan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan ini berjalan dengan lancar dan berjaya.

Keyakinan diri juga berkait rapat dengan persediaan bakal guru untuk mengajar dalam bahasa Inggeris. Seseorang bakal guru mestilah mempunyai keyakinan yang tinggi dalam diri kerana dengan adanya semangat ini, dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Oleh itu, seseorang bakal guru harus mempersiapkan diri dengan tahap keyakinan yang tinggi dalam diri masing-masing.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat adakah faktor-faktor seperti minat yang mendalam terhadap bahasa Inggeris, penguasaan terhadap bahasa Inggeris dan keyakinan diri mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris.

Objektif Kajian

Kajian bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh terhadap persediaan bakal guru dalam pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dari perspektif:

- i. minat
- ii. keyakinan diri
- iii. penguasaan terhadap bahasa Inggeris

Kepentingan Kajian

Sesuatu kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan masing-masing tidak kira terhadap individu atau masyarakat secara amnya. Begitu dengan kajian ini yang mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Dengan adanya kajian ini, ia dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam institusi

perguruan ini. Kajian yang berbentuk ilmiah seperti ini juga dapat memberi inisiatif kepada pihak yang terlibat untuk memastikan sesuatu perkara yang hendak dijalankan itu berjalan dengan lancar dan baik.

Di samping itu, kajian ini boleh menjadi bahan rujukan terhadap bakal guru yang akan mengajar subjek matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Mereka dapat membuat penilaian sendiri terhadap kesediaan mereka dalam menyahut seruan kerajaan yang meletakkan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Ia juga dapat membantu bakal guru membina persediaan yang rapi bagi memastikan pengajaran mereka nanti memuaskan pihak sekolah seterusnya dapat menghasilkan pelajar yang serba boleh. Kejayaan seseorang pelajar bergantung terhadap usaha seseorang guru yang mengajar mereka di samping usaha dan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam kehidupan seharian pelajar. Oleh itu, kajian ini penting kepada bakal guru dalam usaha menyahut seruan kerajaan dan melahirkan pelajar yang versatil yang merupakan bakal tunggak negara.

Kajian ini juga penting kepada agensi pertubuhan yang berkaitan dengan pendidikan seperti Pembentuk Kurikulum Pendidikan UTM. Kajian ini menjadi refleksi kepada agensi ini untuk menilai sejauh mana kurikulum pendidikan guru yang telah dibentuk dan dilaksanakan ini dapat melahirkan bakal guru yang berkualiti dan berkemampuan untuk mengajar dalam bahasa Inggeris. Kajian ini juga menjadi rujukan kepada Pembentuk Kurikulum Pendidikan UTM apabila sesuatu perubahan yang ingin dilakukan dan melihat adakah bakal guru dapat menyesuaikan diri terhadap perubahan yang dilakukan. Perubahan yang dilakukan adalah secara berperingkat bukannya secara sekaligus bagi memastikan penerimaan yang positif daripada bakal guru. Oleh itu, agensi ini akan dapat membuat satu kesimpulan berdasarkan penerimaan bakal guru terhadap sesuatu perubahan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung.

Dengan adanya kajian ini, ia dapat memberi inisiatif kepada pensyarah. Pensyarah dapat menggunakan kajian ini sebagai rujukan untuk mempelbagaikan teknik dan kaedah pengajaran serta menggunakan pendekatan yang lebih baik dalam memastikan kualiti bakal guru dapat dipertingkatkan. Pensyarah memainkan peranan yang penting dan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan bakal guru yang akan keluar mengajar betul-betul mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan bersiap sedia dari pelbagai aspek seperti emosi, rohani dan fizikal. Oleh itu, di sini dengan adanya kajian seperti ini dapat membantu pensyarah untuk melahirkan bakal guru yang penuh dengan komitmen dan dedikasi di samping mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi kepentingan yang positif kepada pihak Kementerian Pelajaran dan Pusat Perkembangan Kurikulum dengan menyediakan panduan bagi merancang dan melaksanakan program atau kursus yang berkaitan dengan pengajaran menggunakan bahasa Inggeris. Program ini dijalankan bagi memperbaiki kelemahan serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran matematik dan sains. Di samping itu, program yang dijalankan dapat memberi bimbingan kepada bakal pelatih untuk mempersiapkan diri untuk menjadi seorang guru yang serba boleh. Oleh itu, dengan adanya kajian ini akan dapat memberi faedah kepada pihak yang berkaitan dan juga kepada bakal guru itu sendiri.

Selain itu, badan-badan kerajaan juga mengambil bahagian dalam pelaksanaan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Contohnya Persatuan Guru, dengan adanya kajian ini akan dapat membantu untuk mendapatkan maklumat tentang apakah yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar dalam bahasa Inggeris. Dengan adanya maklumat ini, Persatuan Guru boleh mengambil tindakan yang sepatutnya dan seterusnya mengambil langkah yang sistematik dalam memastikan pelaksanaan pengajaran matematik dan sains di kalangan bakal guru berjalan dengan lancar. Oleh itu, kajian ini dapat memberi maklumat yang lebih terperinci bagi mengetahui setakat mana persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris.

Secara umumnya, dengan kajian yang dijalankan ini akan dapat memupuk semangat kerjasama dan sokongan kepada guru-guru yang baru mengajar. Mereka dapat merasakan kehadiran mereka dalam profession perguruan amat diharapkan oleh masyarakat sekeliling. Secara kesimpulannya, mereka akan dapat meningkatkan prestasi pengajaran mereka bagi melahirkan pelajar yang berjaya.

Oleh itu, diharapkan kajian ini akan dapat membantu semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak. Penglibatan semua pihak amatlah diharapkan agar profession perguruan yang semakin mencabar ini menjadi suatu profession yang dihormati oleh semua lapisan masyarakat.

Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada subjek yang terdiri daripada bakal guru iaitu yang mengikuti kursus di tahun keempat, iaitu tahun terakhir pengajian kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik), iaitu 4SPM di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Kajian ini hanya merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris dari segi minat, keyakinan diri dan penguasaan bahasa Inggeris. Kaedah tinjauan digunakan bagi kajian ini dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian.

Metodologi

Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi bakal guru tahun empat kursus pendidikan matematik untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris. Maka populasi kajian ini adalah bakal guru yang terdiri daripada pelajar-pelajar kursus pendidikan matematik iaitu pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia yang mempelajari bidang Matematik secara khusus.

Bilangan bakal guru dalam populasi tersebut adalah seramai 35 orang. Kesemua bakal guru tersebut diambil untuk menjadi sampel kajian ini. Ini disebabkan oleh bilangan subjek dalam populasi kajian ini seramai 35 orang, maka semua subjek menjadi sampel kajian supaya dapatan kajian yang diperolehi lebih jitu.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah cara yang digunakan untuk mengumpulkan data dan soalan-soalan atau kenyataan-kenyataan yang dibentuk khas untuk memperolehi maklumat penyelidikan. Dalam kajian ini, soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian di mana ia diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumbalas dan maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian ini.

Kaedah soal selidik adalah lebih mudah kerana responden lebih bebas memilih jawapan yang dikehendaki tanpa terikat pada mana-mana keadaan. Ini lebih memberi peluang kepada responden untuk menjawab soal selidik tanpa ada tekanan dan dapat memberi jawapan yang sebaiknya. Menurut Aziz (2003) yang turut memperakui bahawa terdapat kelebihan menggunakan soal selidik. Antaranya :

- 1) Satu cara ringkas untuk mendapatkan maklumat.
- 2) Membolehkan liputan kajian secara meluas iaitu boleh diuruskan walaupun pada jarak yang jauh.
- 3) Memberikan jawapan yang sebenar daripada responden.
- 4) Memberikan kebebasan kepada responden untuk menjawab berdasarkan isu yang dikemukakan.

Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, motivasi, emosi perasaan dan pandangan yang boleh dirangkumkan sebagai nilai afektif. Seterusnya, tahap-tahap nilai afektif perlu diambil kira supaya soalan yang dihasilkan merangkumi tahap rendah dan tahap tinggi di mana ia dapat menggambarkan ukuran bagi nilai afektif seseorang. Dalam konteks kajian ini, penyelidikan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi persediaan bakal guru kursus pendidikan matematik di UTM untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris adalah merupakan kategori pengukuran afektif.

Bahagian A: Latar Belakang Bakal Guru

Bahagian ini mengandungi 9 soalan yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden seperti jantina, bangsa, bahasa pertuturan di rumah, keputusan bahasa Inggeris dalam peperiksaan dan sebagainya.

Bagi item 4, lebih daripada satu pilihan boleh ditandakan disebabkan terdapat lebih daripada satu bahasa pertuturan di rumah bagi sesetengah keluarga responden. Maka pilihan atau opsyen bagi item tersebut dianalisis dengan berasingan.

Bahagian B : Item Faktor Persediaan Bakal Guru Mengajar Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Bahagian ini mengandungi 27 item tentang faktor persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris dalam aspek minat, keyakinan dan penguasaan bahasa Inggeris. Pengukuran dan penilaian item dibuat dengan menggunakan skala 4 mata bagi memudahkan responden membuat pilihan yang tepat terhadap setiap soalan yang dikemukakan. Responden dikehendaki menyatakan peringkat persetujuan terhadap soalan-soalan tersebut dengan melibatkan salah satu angka daripada 1 hingga 4 yang disediakan di hujung setiap pernyataan berpandukan Skala Empat Mata seperti berikut:

4=Amat Setuju (AS)

3= Setuju (S)

2=Tidak Setuju (TS)

1=Amat Tidak Setuju (ATS)

Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian yang sebenar, kajian rintis hendaklah dijalankan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Ini adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soalan-soalan dalam soal selidik yang dibuat. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus 4SPT di UTM, Skudai.

Hasil daripada kajian rintis ini dapat menunjukkan sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada sampel kajian termasuk penggunaan istilah, struktur dan penyusunan ayat serta gubahan pada soalan dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden. Di samping itu, komen diberikan oleh responden berkaitan dengan soal- selidik yang telah diisi supaya masalah dan kelemahan dalam soal selidik tersebut dapat diubahsuai serta diperbaiki.

Kaedah Alpha Cronbach digunakan dalam penganalisaan kajian rintis bagi kajian ini. Menurut Mohd Salleh (1999), nilai maksimum bagi pekali kebolehpercayaan (alpha) ialah 1. Sekiranya pekali kebolehpercayaan tersebut kurang daripada 0.6, instrument yang digunakan dalam kajian tersebut dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah.

Keputusan

Jadual 1: Taburan Min Bagi Setiap Item Bagi Faktor Minat

No.	Item	Min
1.	Mata pelajaran bahasa Inggeris adalah mata pelajaran yang saya minati di sekolah dahulu.	2.43
2.	Saya gemar merujuk kamus untuk mendapatkan makna perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang saya tidak fahami.	3.26
3.	Jika diberi peluang, saya lebih suka mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris.	3.26
4.	Saya berminat untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris kerana ia akan menjadikan pengajaran saya lebih menarik dan menyeronokkan.	2.71
5.	Saya suka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di dalam kuliah	2.29
6.	Kebanyakan bahan rujukan Matematik yang saya miliki ditulis dalam bahasa Inggeris.	3.06
7.	Saya suka membaca novel atau buku berbahasa Inggeris	2.11
8.	Saya mengambil berat tentang mata pelajaran bahasa Inggeris berbanding mata pelajaran yang lain ketika di sekolah dahulu.	2.09
Purata Min Keseluruhan		2.65

Jadual 2: Taburan Min Bagi Setiap Item Bagi Faktor Keyakinan Diri

No.	Item	Min
9.	Saya tidak yakin untuk membentangkan tugas Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris dalam kuliah mata pelajaran Matematik.	2.43
10.	Saya kurang yakin untuk memberi pendapat dalam bahasa Inggeris	2.71
11.	Saya yakin saya boleh memahami seterusnya menjawab setiap persoalan yang diajukan oleh pelajar berkenaan Matematik dalam bahasa Inggeris.	2.74
12.	Saya yakin pengajaran Matematik akan saya sampaikan dalam bahasa Inggeris adalah teratur dan sistematik.	2.40
13.	Saya tidak berasa malu untuk bercakap dalam bahasa Inggeris di hadapan pensyarah dan rakan-rakan semasa kuliah.	2.37
14.	Saya yakin dapat menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dalam bahasa Inggeris	2.43
15.	Saya dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh pensyarah dalam bahasa Inggeris dengan yakin.	2.31
16.	Saya yakin pengajaran yang akan saya sampaikan dalam bahasa Inggeris akan dapat difahami oleh pelajar.	2.60
17.	Saya yakin untuk melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran Matematik dalam bahasa Inggeris.	2.60
18.	Saya yakin pengajaran saya akan lebih berkesan jika menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.	2.34
Purata Min Keseluruhan		2.49

Jadual 3: Taburan Min Bagi Setiap Item Bagi Faktor Penguasaan Bahasa Inggeris

No.	Item	Min
19.	Saya kerap menyemak sebutan perkataan dalam bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan sebutan bahasa Inggeris saya.	2.83
20.	Saya kerap bertutur dalam bahasa Inggeris dengan orang lain untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris saya.	2.34
21.	Saya pernah menghadiri kelas bahasa Inggeris untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris saya.	2.63
22.	Saya banyak membaca bahan yang berbahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris saya.	2.57
23.	Saya mampu untuk member nasihat dan teguran kepada pelajar dalam bahasa Inggeris.	2.20
24.	Bertutur dalam bahasa Inggeris adalah sukar.	2.63
25.	Saya ada melakukan pembacaan dalam bahasa Inggeris untuk membantu saya menyediakan persediaan mengajar sewaktu menjalani mengajar yang lalu.	3.00
26.	Saya akan lebih menguasai bahasa Inggeris supaya proses pengajaran dan pembelajaran saya kelak akan berjalan dengan lancar.	3.14
27.	Saya menghadiri kursus pengukuhan bahasa Inggeris bagi meningkatkan kemahiran pertuturan bahasa Inggeris saya.	2.43
	Purata Min Keseluruhan	2.64

Dalam persoalan kajian, pengkaji telah melihat sejauh manakah minat, penguasaan terhadap bahasa Inggeris dan keyakinan diri mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Data kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa bakal guru masih berada di tahap yang sederhana dari segi faktor minat, penguasaan terhadap bahasa Inggeris dan keyakinan diri untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris.

Perbincangan

Dalam perbincangan ini, skopnya adalah berdasarkan kepada tujuan kajian ini dijalankan iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Terdapat tiga faktor yang dikenalpasti yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Faktor-faktornya adalah dari segi minat, keyakinan diri dan penguasaan terhadap bahasa Inggeris.

Kajian yang dijalankan menunjukkan responden yang terdiri daripada bakal guru Matematik mempunyai minat yang sederhana terhadap pendidikan matematik. Walaupun mempunyai minat yang sederhana terhadap matematik, namun mereka tidak minat untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris. Walaubagaimanapun terdapat segelintir responden meminati untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris di dalam kuliah semasa pengajaran Matematik juga diminati oleh bakal guru ini namun bukan semua yang lebih cenderung ke arah ini. Ada sesetengahnya masih mahu mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu semasa pengajaran kuliah dijalankan. Bukan semua yang mengambil berat tentang mata pelajaran bahasa Inggeris berbanding mata pelajaran yang lain ketika di sekolah dahulu. Minat setiap orang adalah berbeza. Bukan semua mempunyai minat yang sama. Oleh itu, minat merupakan sesuatu yang kompleks dan mempunyai perspektif yang berbeza. Ini bergantung kepada pendirian setiap orang. Setiap orang mempunyai hak untuk melihat dari sudut yang berbeza di antara satu sama lain.

Selain minat yang menjadi faktor kepada persediaan bakal guru untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris, faktor keyakinan diri juga diambil kira. Keyakinan diri merupakan sikap yang penting dalam melaksanakan sesuatu kerja. Tanpa keyakinan diri, sesuatu kerja tidak dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya. Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan ini, kebanyakan bakal guru yang terdiri daripada pelajar pendidikan matematik masih tidak lagi mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi. Mereka fikir mereka masih berada di takuk lama. Kajian menunjukkan mereka tidak yakin untuk memahami dan menjawab setiap persoalan yang diajukan pelajar tentang Matematik dalam bahasa Inggeris. Selain itu, mereka tidak yakin pengajaran yang disampaikan dalam bahasa Inggeris dapat disampaikan dengan teratur dan sistematik. Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa tahap keyakinan untuk mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris masih berada di tahap yang sederhana. Sebagai persiapan awal untuk menjadi bakal guru yang akan mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris harus mengambil alternatif lain agar pelajarnya nanti tidak akan menghadapi sebarang masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di sekolah kelak.

Faktor yang terakhir yang dikaji adalah dari segi faktor penguasaan bahasa Inggeris. Faktor ini dilihat sebagai faktor yang penting kerana untuk mengajar sesuatu mata pelajaran, kita sebagai pengajar seharusnya menguasai sepenuhnya mata pelajaran tersebut. Tanpa penguasaan yang sepenuhnya, pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku dengan lancar dan akan menimbulkan masalah kepada guru dan yang paling penting kepada pelajar itu sendiri. Berdasarkan kepada kajian ini, responden yang terdiri daripada bakal guru Matematik mempunyai tahap penguasaan yang sederhana terhadap bahasa Inggeris. Bakal guru seharusnya mengambil langkah yang bijak untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris ini. Sepatutnya di universiti, pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah mengadakan kursus-kursus yang berkenaan untuk memastikan bakal guru ini tidak akan tercicir dalam pendidikan mereka. Selain itu, pensyarah-pensyarah hendaklah mengadakan kelas-kelas yang berkaitan untuk meningkatkan penguasaan bakal guru terhadap bahasa Inggeris. Bakal guru juga hendaklah sentiasa didedahkan dengan penggunaan bahasa Inggeris di dalam kehidupan seharian mereka. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan vocabulary dan dari segi tatabahasanya dalam bahasa Inggeris. Secara kesimpulannya, ketiga-tiga faktor ini sangat penting sebagai persediaan bakal guru untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Tanpa persediaan yang mencukupi, bakal guru tidak dapat mengajar dengan baik dan sebagai efeknya adalah kepada bakal pelajarnya nanti. Sebagai langkah permulaan untuk memulakan tugas sebagai seorang bakal guru, mereka mestilah membuat persiapan dari segi mental dan fizikal agar mereka betul-betul sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang berat ini.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mencapai kesemua objektif yang diperlukan. Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif yang perlu dicapai iaitu untuk melihat faktor-faktor seperti minat, keyakinan diri dan penguasaan terhadap bahasa Inggeris yang mempengaruhi persediaan bakal guru untuk

mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Dalam kajian yang telah dijalankan ini, boleh dikatakan kesemua factor yang dikaji mencapai tahap sederhana dimana ada segelintir bakal guru yang bersetuju dan tidak bersetuju tentang ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi persediaan untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris.

Bagi faktor minat, ada sesetengah pelajar yang masih lagi kurang berminat terhadap pelaksanaan dasar ini. Ini dapat dilihat berdasarkan soal selidik yang diedarkan. Bakal guru tidak meminati subjek ini sejak di bangku sekolah lagi. Mengikut perumpamaan orang-orang tua, kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebunginya. Ini boleh dikaitkan dengan senario yang berlaku sekarang. Seharusnya bakal guru harus menanam minat terhadap subjek ini sejak kecil lagi bagi memupuk semangat yang mendalam untuk meminati subjek ini. Walaubagaimanapun, minat ini boleh dipupuk dengan pelbagai cara. Antaranya bakal guru boleh menonton drama yang berbahasa Inggeris atau membaca buku yang berbahasa Inggeris. Dengan usaha sebegini tidak mustahil bakal guru dapat memupuk minat yang mendalam terhadap bahasa Inggeris. Ini terbukti oleh pakar-pakar motivasi yang menegaskan bahawa minat terhadap bahasa Inggeris boleh dipupuk dengan usaha membaca buku bahasa Inggeris, menonton drama berbahasa Inggeris dan mendengar lagu bahasa Inggeris. Oleh itu, melalui kajian yang dilakukan ini, saya yang juga bakal guru menyeru semua bakal guru mempersiapkan segala usaha yang seperti di atas untuk memastikan bakal pelajar kita tidak akan teraniaya apabila mereka belajar kelak. Segalanya menjadi tanggungjawab kita sebagai bakal guru untuk melahirkan pelajar yang berjaya.

Seterusnya bagi faktor keyakinan diri, masih memperlihatkan bakal guru di UTM berada di tahap yang sederhana. Bakal guru masih kurang berkeyakinan untuk mengajar matematik dalam bahasa Inggeris. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan. Bakal guru tidak yakin untuk membentangkan tugas matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris, tidak yakin memberi pendapat dalam bahasa Inggeris, tidak yakin jika bakal pelajar nanti bertanya soalan matematik dalam bahasa Inggeris dan sebagainya. Kesemua senario yang ditunjukkan telah menggambarkan bahawa tahap keyakinan bakal guru masih lagi berada di tahap yang memerlukan perubahan yang drastik. Kalau dilihat sekarang, bakal guru ini akan menamatkan belajar dalam tempoh yang terdekat. Jika mereka tidak mengambil langkah yang drastik, yang menjadi mangsa adalah pelajarnya nanti. Oleh itu, bakal guru seharusnya sama-sama menyediakan diri untuk mengharungi cabaran ini. Keyakinan diri boleh dipupuk jika ada usaha yang berterusan. Antaranya bakal guru hendaklah sentiasa mempraktikkan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Dengan usaha ini, mereka dapat membina keyakinan diri yang tinggi. Selain itu, bakal guru boleh membina keyakinan yang tinggi dengan meletakkan diri dalam suasana yang membina dan persekitaran yang positif.

Faktor yang terakhir adalah dari segi faktor penguasaan terhadap bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa bakal guru masih lagi juga berada di tahap yang sederhana dari segi faktor penguasaan terhadap bahasa Inggeris. Berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan ini, bakal guru jarang menyemak sebutan perkataan dalam bahasa Inggeris, jarang bertutur dalam bahasa Inggeris, kurang membaca bahan berbahasa Inggeris, merasakan bertutur dalam bahasa Inggeris adalah sukar dan sebagainya. Kebanyakan bakal guru tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan sepenuhnya. Ini memaksa mereka mencari alternatif untuk memantapkan lagi penguasaan bahasa Inggeris. Kebanyakan mereka mengikuti kelas bahasa Inggeris untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris. Selain itu, mereka membaca bahan yang berbahasa Inggeris dan kadangkala bertutur dalam bahasa Inggeris. Namun hanya segelintir yang mengamalkan budaya berkomunikasi dalam bahasa Inggeris ini. Oleh itu, sebagai bakal guru nanti semua alternatif ini haruslah dipraktikkan untuk menjadi seorang guru yang berjaya dan melahirkan pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Rujukan

- Asmah Ahmad (1989). *Pedagogi 1*. Petaling Jaya : Longman Malaysia. Atan Long (1988). *Pedagogi Kaedah Mengajar Am*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Aziz Nordin, Zaleha Ismail dan Zulkifli Mohamed (2003), *Latihan Mengajar : Ke Arah Satu Sistem Latihan Mengajar Kursus Sarjaan Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan – Satu Pandangan Awal*. *Bengkel Maklumbalas Latihan Mengajar*. 27-28 September. Makmal Kaedah Ijazah Lanjutan, Jabatan Pendidikan Sains dan Teknik, Fakulti Sains, UTM, Skudai.
- Berita Harian (2003). *Persidangan Antarabangsa Bahasa Dan Jati Diri: Prestasi Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris Merosot*. 18 Disember 2003.
- Berita Harian (2007). *Kementerian Bantu Sekolah Guna Bahasa Inggeris*. 26 Julai 2007. Jumrang Bin Mendeng (2004). *Pelaksanaan Pengajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris: Tinjauan Pada Persepsi Pelajar Di Tiga Buah Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis SarjanaMuda
- Kamus Dewan (1996). Edisi Keempat Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2005). “Kaedah Penilaian Dalam Pendidikan., Kementerian Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (1999). *Memahami Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka: Berita Harian Sdn. Bhd.
- Noor Azlan (1997). *Profesionalisme Dan Keprofesionalan Perguruan Dalam Konteks Latihan Mengajar*. Jurnal Pendidikan UTM.
- Nor Fadila Mohd Amin Dan Widad Othman (1998). *Seminar Pendidikan Kebangsaan: Pendidikan Untuk Kecemerlangan Menjelang Alaf Baru*. ITTHO. 24-25 Oktober.
- Portal Pendidikan Utusan (2002). *Jangan Kita Lari Daripada Masalah- Musa*. 10 November 2002.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2002).
- Utusan Malaysia (2005). *Melayu Tidak Akan Tercicir- Penguasaan Bahasa Inggeris Sainstifik Akan Mengangkat Martabat Bangsa*. 3 April 2005.